

## BAB EMPAT

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan.

Dalam bab ini dapatan kajian akan dibentangkan. Markat min dan peratusan digunakan untuk membentangkan respons pelajar terhadap bidang-bidang keperluan bimbingan dan kaunseling. Ujian-t pula digunakan untuk melihat perbezaan keperluan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, perbezaan di antara sekolah dan juga untuk menunjukkan keperluan bimbingan antara pelajar aliran sains dan juga sastera.

#### 4.2 Bidang-bidang Keperluan Pelajar.

Taburan skor min pelajar dalam sembilan bidang keperluan pelajar adalah ditunjukkan menerusi jadual 1 di muka surat 41.

Jadual 1

## Bidang-Bidang Keperluan Berdasarkan Susunan Markat Min

Bidang-bidang Keperluan Pelajar	Min	Sisihan Piawai
Perkembangan Kemahiran Belajar	53.08	11.22
Perkembangan Pelajaran dan Vokasional	52.34	11.30
Perkembangan Kerohanian dan Moral	46.34	17.95
Perkembangan Kerjaya	45.98	12.51
Perkembangan Sosial	42.14	13.48
Perkembangan Pemahaman Diri	41.43	16.34
Perkembangan Peribadi	40.09	15.80
Kewangan dan Tempat Tinggal	35.61	15.00
Perkembangan Kesihatan dan Fizikal	34.84	15.07

Jadual 1 menunjukkan markat min dan sisihan piawai respons 129 pelajar kepada sembilan bidang keperluan pelajar. Sekiranya skor min bidang adalah di bawah 37.5 tahap keperluan pelajar dianggap rendah. Manakala skor min di antara 37.5 sehingga 62.4 dianggap tinggi dan sekiranya skor min bidang-bidang keperluan pelajar lebih atau sama dengan 62.5 tahap keperluan pelajar dianggap sangat tinggi.

Seperti yang dapat dilihat dalam jadual tersebut skor min bagi ketujuh-tujuh bidang keperluan pelajar adalah lebih daripada 37.5. Ini bermakna pelajar-pelajar menunjukkan tahap keperluan yang tinggi terhadap bidang-bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kerohanian dan Moral, Perkembangan Kerjaya, Perkembangan Sosial, Perkembangan Pemahaman Diri dan Perkembangan Peribadi.

Bagi dua lagi bidang keperluan iaitu bidang Perkembangan Kewangan dan Tempat Tinggal dan bidang Perkembangan Kesihatan dan Fizikal skor min yang diperolehi adalah di bawah 37.5 menunjukkan tahap keperluan pelajar terhadap kedua-dua bidang tersebut adalah rendah.

Jadual tersebut juga menunjukkan empat bidang keperluan bimbingan yang tertinggi ialah bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kerohanian dan Moral dan Perkembangan Kerjaya.

Dapatan kajian ini adalah hampir sama dengan dapatan kajian Suradi Salim (1994), mengenai keperluan bimbingan pelajar-pelajar sekolah menengah negeri Selangor Darul Ehsan. Di dapati tiga bidang utama di mana keperluan bimbangannya adalah paling tinggi ialah bidang Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kemahiran Belajar dan Perkembangan Kerjaya.

Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Chiam, (1979) dan Hassan Langgulung (1975) juga menunjukkan persamaan. Menerusi penggunaan ‘Mooney Problem Checklist’ sebagai inventori kajian di dapati masalah *Adjustment to School Work* (ASW) merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar. Ini bermakna tahap keperluan pelajar yang tinggi terhadap bidang Perkembangan Kemahiran belajar adalah mempunyai perkaitan yang rapat untuk mengatasi masalah *Adjustment to School Work* (ASW).

Keperluan pelajar yang tinggi terhadap bidang Perkembangan Kerjaya juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Hutchinson dan Bottorf (1986). Kajian ke atas 250 pelajar baru di Universiti Muncie Indiana menunjukkan sebanyak 89% pelajar memerlukan bantuan berkaitan dengan bimbingan kerjaya..

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah bahawa dalam kesembilan bidang keperluan pelajar, tujuh bidang keperluan pelajar berada di tahap yang tinggi. Dengan lain perkataan sebahagian besar pelajar di dua buah sekolah menengah yang terlibat dalam penyelidikan ini menyatakan bahawa mereka memerlukan bimbingan dalam bidang Kemahiran Belajar, Pelajaran dan Vokasional, Kerohanian dan Moral, Kerjaya, Sosial, Pemahaman Diri dan Peribadi.

#### 4.2.1 Perkembangan Kemahiran Belajar.

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang perkembangan kemahiran belajar. Respons pelajar kepada bahagian ini ditunjukkan dalam jadual 2 di muka surat 45.

Jadual 2 menunjukkan markat min dan sisihan piawai respons 129 pelajar kepada 25 item keperluan pelajar dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar. Sekiranya skor min item adalah di bawah 1.50 tahap keperluan pelajar diklasifikasikan rendah. Manakala skor min item di antara 1.50 hingga 2.49 tahap keperluan pelajar diklasifikasikan tinggi dan sekiranya skor min item lebih atau sama dengan 2.50 tahap keperluan pelajar terhadap sesuatu item diklasifikasikan sangat tinggi.

### Jadual 2

#### Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Kemahiran Pelajar

ITEM	Min	Sisihan Piaawai
Saya perlu memperbaiki kebolehan mengingat	2.71	0.56
Saya perlu memperbaiki kemahiran saya dalam Bahasa Inggeris	2.63	0.57
Saya perlu mengatasi perasaan malas saya untuk belajar	2.53	0.78
Saya perlu mengetahui teknik belajar yang lebih berkesan	2.52	0.72
Saya perlu memperbaiki kebolehan memahami apa yang saya baca	2.50	0.72
Saya perlu membentuk jadual waktu yang berkesan	2.48	0.70
Saya ingin mengetahui kenapa saya lemah dalam pelajaran walaupun saya rasa saya telah berusaha cukup kuat.	2.46	0.72
Saya perlu membentuk jadual belajar yang berkesan	2.41	0.77
Saya perlu memperbaiki keupayaan saya untuk memberikan tumpuan	2.40	0.78
Saya perlu membina tabiat belajar yang baik	2.37	0.72
Saya perlu memperbaiki kemahiran menulis dan mengarang	2.21	0.80
Saya perlu lebih banyak peluang menemui guru-guru saya untuk mendapat pertolongan dalam pembelajaran saya	2.14	0.81
Saya perlu memperbaiki kemahiran saya dalam Bahasa Malaysia	2.11	0.89
Saya perlu menyiapkan tugas dalam masa yang ditentukan	2.10	0.78
Saya perlu mempelajari teknik mengambil peperiksaan dan ujian	2.09	0.94
Saya perlu memperbaiki kemahiran mengambil nota	2.05	0.86
Saya perlu memperbaiki kerja saya supaya saya bekerja di peringkat maksima kebolehan saya	2.00	0.91
Saya perlukan keberanian melibatkan diri dalam perbincangan kelas	1.96	0.86
Saya perlu memperbaiki kemahiran lisan saya	1.88	0.84
Saya perlu memahami kedudukan saya di kelas dan cara memperbaikinya	1.87	0.90
Saya perlukan kemahiran membaca cepat	1.84	0.96
Saya perlu mengurangkan perasaan gugup (nervous) masa mengambil ujian	1.76	1.01
Saya perlu menentukan perasaan saya terhadap sekolah dan adakah ia menghalang kemajuan saya dalam pelajaran	1.40	0.95
Saya perlu memahami bagaimana setiap guru menilai dan memberi markah	1.39	0.94
Saya perlu memperbaiki kemahiran mendengar	1.29	1.06

Seperti yang terdapat dalam jadual 2 didapati 22 daripada 25 soalan yang dikemukakan menunjukkan markat min lebih daripada 1.50. Ini menunjukkan responden daripada kedua-dua buah sekolah memerlukan bantuan yang tinggi terhadap bidang Perkembangan Kemahiran Belajar.

Berpandukan kepada respons pelajar terhadap 25 soalan yang diajukan kepada mereka menerusi Jadual 2 menunjukkan pelajar memerlukan bantuan yang sangat tinggi untuk memperbaiki kebolehan mengingat, meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris, mengatasi perasaan malas untuk belajar, mengetahui teknik belajar yang berkesan dan memperbaiki kebolehan untuk memahami apa yang mereka baca. Respons pelajar yang sangat tinggi terhadap lima keperluan tersebut adalah berdasarkan markat min yang dicapai iaitu lebih daripada 2.50.

Keperluan pelajar kepada memperbaiki kebolehan mengingat menunjukkan markat min yang paling tinggi iaitu 2.71. Di dapati 98 pelajar atau 76% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 26 pelajar atau 20.2% telah menjawab ‘perlu’. Manakala 3.8% pelajar menjawab ‘Kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’ ( Rujuk lampiran A ). Keadaan ini menunjukkan pelajar amat memerlukan bantuan teknik belajar yang betul dan berkesan bagi memastikan segala apa yang dipelajari dapat diingati dan difahami dengan mudah.

Bagi item memperbaiki kemahiran dalam Bahasa Inggeris markat min ialah 2.63. Seramai 86 responden atau 66.7% yang telah menjawab ‘sangat perlu’

dan 39 responden atau 30.2% menjawab ‘perlu’. Ini bermakna pelajar haruslah diberikan bantuan yang jitu agar dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.

Pelajar juga memerlukan bantuan yang sangat tinggi untuk mengatasi perasaan malas untuk belajar. Markat min adalah ketiga tertinggi iaitu 2.53. Didapati 88 pelajar atau 68.2% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 24 pelajar atau 18.6% telah menjawab ‘perlu’. Manakala hanya 17 pelajar atau 13.2 % menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Ini menunjukkan para pelajar memerlukan bimbingan motivasi bagi merangsang semangat dan sikap mereka agar dapat mengatasi masalah perasaan malas untuk belajar.

Bagi teknik belajar yang lebih berkesan didapati 80 pelajar atau 62% menjawab ‘sangat perlu’ dan 40 pelajar atau 31% menjawab ‘perlu’ dan 7% sahaja menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Markat min yang diperolehi ialah 2.52. Keadaan ini menunjukkan betapa perlunya kemahiran teknik belajar diberikan kepada pelajar bagi memantapkan lagi pembelajaran mereka.

Bagi item meningkatkan kemahiran memahami apa yang mereka baca markat min ialah 2.50. Didapati 80 pelajar atau 62% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 36 pelajar atau 27.9% menjawab ‘perlu’. Manakala 10.1% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Apa yang jelas keperluan memahami apa

yang pelajar baca mempunyai perkaitan yang rapat dengan keperluan mengetahui teknik belajar. Ini bermakna kemahiran teknik belajar secara langsung dapat membantu pelajar memahami apa yang mereka baca.

Selain itu, pelajar juga menyatakan keperluan yang tinggi untuk mendapatkan bantuan bagi membentuk jadual waktu yang berkesan, mengetahui kenapa mereka lemah dalam sesuatu pelajaran walaupun mereka telah berusaha dengan cukup kuat, membentuk jadual belajar yang berkesan dan memperbaiki keupayaan untuk memberikan tumpuan. Ini terbukti kerana lebih daripada 50% pelajar yang memberikan respon ‘sangat perlu’.

Sejumlah 56.6% pelajar memberikan respons ‘sangat perlu’ kepada bantuan membentuk jadual waktu yang berkesan, 57.4% pelajar memberikan respons ‘sangat perlu’ kepada bantuan untuk mengetahui mengapa mereka lemah dalam sesuatu pelajaran, 54.3% menunjukkan respons ‘sangat perlu’ kepada bantuan membentuk jadual belajar yang berkesan dan 55.0 % memberikan respons ‘sangat perlu’ kepada bantuan untuk memperbaiki keupayaan untuk memberikan tumpuan.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 2, didapati pelajar juga menunjukkan keperluan yang tinggi kepada bantuan untuk membina tabiat belajar yang baik, memperbaiki kemahiran menulis dan mengarang, mendapatkan kerjasama guru bagi meningkatkan pembelajaran mereka, memperbaiki

kemahiran dalam subjek Bahasa Malaysia, menyiapkan tugas dalam masa yang ditentukan, mempelajari teknik mengambil peperiksaan dan ujian, memperbaiki kemahiran mengambil nota, belajar di peringkat maksima kebolehan mereka, berani melibatkan diri dalam perbincangan kelas, memperbaiki kemahiran lisan, memahami kedudukan mereka di kelas dan cara memperbaikinya, mempunyai kemahiran membaca cepat dan mengurangkan perasaan gugup semasa mengambil ujian.

Berdasarkan respons pelajar kepada bidang kemahiran belajar dapatlah dirumuskan bahawa pelajar memerlukan bantuan yang sangat tinggi untuk meningkatkan kemahiran teknik belajar supaya dapat membantu mereka memperbaiki kebolehan mengingat, memahami apa yang mereka baca, membentuk jadual belajar yang berkesan, dapat memberikan tumpuan terhadap pelajaran, meningkatkan kemahiran membaca cepat dan mengambil nota serta mempunyai kemahiran yang tinggi semasa menduduki peperiksaan dan ujian.

Selain itu, pelajar juga perlu diberikan motivasi agar mereka dapat mengatasi masalah malas untuk belajar dan juga dapat meningkatkan tabiat belajar yang berkesan. Di samping itu pelajar juga menunjukkan keperluan yang sangat tinggi untuk memperbaiki kemahiran subjek Bahasa Inggeris. Keadaan ini disebabkan pentingnya subjek berkenaan dalam menentukan kelayakan pelajar untuk memasuki universiti.

#### 4.2.2 Perkembangan Pelajaran dan Vokasional.

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang perkembangan Pelajaran dan Vokasional. Bagi melihat dengan lebih jelas apakah keperluan pelajar dalam perkembangan Pelajaran dan Vokasional min dan sisihan piawai respons pelajar kepada setiap item ditunjukkan dalam jadual 3 di muka surat 51.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 3 min bagi 24 daripada 25 soalan adalah lebih daripada 1.50. Keadaan yang sama juga diperolehi bidang Perkembangan Kemahiran Belajar sebelum ini. Ini menunjukkan pelajar di kedua-dua buah sekolah memerlukan bantuan yang sangat tinggi dalam bidang Perkembangan Pelajaran dan Vokasional.

### Jadual 3

#### Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Pelajaran dan Vokasional

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu memperbaiki kemajuan saya dalam pelajaran Matematik	2.67	0.63
Saya perlu memperbaiki kemajuan saya dalam pelajaran Sains	2.56	0.64
Saya perlu menentukan matlamat pelajaran saya	2.39	0.88
Saya perlu kemahiran menumpukan perhatian kepada pelajaran	2.39	0.82
Saya perlu mengetahui sejauhmana kebolehan saya dalam bidang akademik	2.36	0.81
Saya perlu membuat rancangan yang akan menolong saya mencapai matlamat pelajaran dan kerjaya saya	2.35	0.66
Saya perlu mengetahui sama ada memasuki universiti adalah penting untuk memenuhi hasrat saya	2.33	0.96
Saya perlu kebolehan mengatur masa untuk mengulangkaji pelajaran	2.26	0.81
Saya perlu memahami kesesuaian subjek pelajaran yang saya ambil sekarang ini dengan kebolehan, minat dan matlamat saya	2.23	0.82
Saya perlu kemahiran melengkapkan diri saya untuk menghadapi peperiksaan	2.22	0.84
Saya perlu tahu apakah yang perlu saya buat untuk mendapat kerja yang saya minati	2.19	0.72
Saya perlu menentukan jurusan yang boleh saya masuki di masa hadapan	2.17	0.75
Saya perlu mengenalpasti bidang-bidang pengajian yang sesuai untuk saya	2.15	0.83
Saya perlu memahami kebolehan, minat dan potensi saya	2.09	0.82
Saya perlu memikirkan lebih dari satu alternatif mengenai apa yang perlu saya buat selepas tamat sekolah	2.06	0.88
Saya perlu memahami kegunaan mata pelajaran yang saya pelajari	2.02	0.88
Saya perlu meneroka alternatif yang saya boleh pilih kalau saya gagal melanjutkan pelajaran	2.01	0.90
Saya perlu mengetahui keadaan berbagai kerjaya dan bagaimana bakat dan kebolehan saya dalam kerja-kerja ini	1.97	0.84
Saya perlukan maklumat syarat-syarat kelayakan memasuki universiti	1.97	0.85
Saya perlu mengetahui dengan lebih lanjut peperiksaan-peperiksaan yang saya perlu ambil di masa depan (PMR, SPM, STPM, dsb.)	1.84	0.97
Saya perlu menentukan subjek pelajaran/kursus yang saya ambil tahun depan	1.74	1.06
Saya perlu maklumat peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri	1.74	0.90
Saya perlu berbincang dengan guru untuk mengetahui kemajuan saya ke arah masa depan pelajaran dan vokasional saya	1.73	0.97
Saya perlu maklumat peluang-peluang mendapat latihan kerja	1.57	0.91
Saya perlu tahu dan faham berbagai-bagai kumpulan pekerjaan dan apakah tugas-tugas yang dilakukan	1.44	0.97

Keperluan pelajar yang sangat tinggi adalah dalam memperbaiki kemajuan mereka dalam subjek Matematik dan juga untuk meningkatkan lagi kemajuan dalam mata pelajaran Sains. Markat min yang diperolehi adalah lebih daripada 2.50.

Min keperluan pelajar kepada memperbaiki kemajuan dalam subjek Matematik adalah yang tertinggi iaitu 2.67. Didapati 95 pelajar atau 73.6% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 27 pelajar atau 20.9% menjawab ‘perlu’. Manakala hanya 7 pelajar atau 5.5% menjawab ‘Kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Keadaan ini berlaku kemungkinan besar kerana pelajar yang dipilih untuk membuat kajian adalah pelajar tingkatan empat di mana mereka sedang mempelajari sukatan pelajaran baru dan ianya amat berbeza dengan sukatan pelajaran PMR sebelum ini. Justeru itu pihak tertentu haruslah proaktif membantu pelajar bukan sahaja dalam meningkatkan kemahiran dalam mata pelajaran Matematik tetapi sebaliknya harus menyediakan instrumen tertentu bagi menguji sejauhmanakah kebolehan seseorang pelajar dalam subjek Matematik.

Bagi item meningkatkan kemajuan dalam subjek Sains keperluan pelajar min diperolehi adalah 2.56. Ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan bantuan yang sangat tinggi untuk memantapkan lagi kemajuan mereka dalam mata pelajaran Sains. Ini terbukti bila mana 81 pelajar atau 62.8% menjawab ‘sangat perlu’ dan 40 pelajar atau 31% telah menjawab ‘perlu’. Manakala hanya 8 pelajar atau 6.2% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Fenomena ini

adalah selari dengan keperluan pelajar untuk meningkatkan kemajuan mereka dalam mata pelajaran Matematik kerana mereka sedang mengikuti sukanan pelajaran baru. Untuk pelajar aliran sains keperluannya lebih menyerlah kerana terdapat beberapa subjek sains yang baru dipelajarinya seperti subjek Kimia, Biologi dan juga Fizik.

Selain itu, pelajar juga menunjukkan keperluan yang tinggi untuk mendapatkan bantuan atau pertolongan bagi menentukan matlamat pelajaran mereka, mendapatkan kemahiran agar dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan juga untuk mengenalpasti sejauhmana kebolehan mereka dalam bidang akademik. Keperluan pelajar tersebut adalah berpandukan kepada data-data yang menunjukkan lebih 50 % pelajar telah memberikan respons ‘sangat perlu’.

Menerusi data yang diperolehi, sejumlah 58.9% atau 76 pelajar memberikan respons ‘sangat perlu’ kepada bantuan untuk menentukan matlamat pelajaran mereka, 55.8% atau 72 pelajar memberikan respons ‘sangat perlu’ untuk mendapatkan kemahiran menumpukan perhatian kepada pelajaran dan 52.7% atau 68 pelajar memberikan respons ‘sangat perlu’ kepada bantuan untuk mengenal pasti sejauhmana kebolehan mereka dalam bidang akademik

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 3 didapati pelajar menunjukkan respons yang tinggi kepada 12 item keperluan bimbingan dalam bidang

Perkembangan Pelajaran dan Vokasional. Ini bermakna pelajar perlukan bantuan untuk membuat perancangan agar mereka dapat mencapai matlamat pelajaran dan kerjaya mereka, mengetahui adakah memasuki universiti itu penting untuk memenuhi hasrat mereka, mengatur masa bagi mengulangkaji pelajaran, memahami kesesuaian subjek yang mereka ambil dengan kebolehan, minat dan matlamat mereka, mempunyai kemahiran agar dapat melengkapkan diri mereka untuk menghadapi peperiksaan, mengetahui apakah yang perlu dilakukan untuk mendapatkan kerja yang diminati, menentukan jurusan yang boleh mereka masuki di masa hadapan, mengenalpasti bidang-bidang pengajian yang sesuai untuk mereka, memahami kebolehan, minat dan potensi mereka, memikirkan lebih dari satu alternatif mengenai apa yang perlu mereka buat selepas tamat alam persekolahan, memahami kegunaan mata pelajaran yang mereka pelajari dan meneroka alternatif yang boleh mereka pilih sekiranya mereka gagal melanjutkan pelajaran.

Selain itu, pelajar juga mempunyai keperluan yang juga tinggi kepada bantuan untuk mengetahui keadaan berbagai kerjaya dan bagaimana bakat dan kebolehan mereka mempunyai kaitan dengan kerjaya tersebut, mendapatkan maklumat mengenai syarat-syarat kemasukan ke universiti, mengetahui dengan lebih lanjut peperiksaan-peperiksaan yang perlu mereka ambil di masa hadapan, menentukan subjek atau kursus yang perlu mereka ambil tahun depan, maklumat mengenai peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri, mengetahui kemajuan mereka ke arah masa depan pelajaran dan vokasional dan mendapatkan

maklumat mengenai peluang-peluang mendapatkan latihan kerja. Keperluan bimbingan tersebut adalah berdasarkan kepada markat min 1.57 hingga 1.97 seperti mana dalam jadual 3.

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah pelajar mempunyai keperluan yang tinggi kepada hampir keseluruhan item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Pelajaran dan Vokasional. Namun begitu, keperluan pelajar untuk memperbaiki kemajuan mereka dalam mata pelajaran Matematik dan Sains adalah sangat tinggi berbanding dengan item-item keperluan bimbingan yang lain..

Selain itu, para pelajar juga seharusnya sentiasa didedahkan kepada maklumat terkini berkaitan dengan peluang-peluang pelajaran, latihan kerja serta bidang-bidang pengajian yang sesuai agar dapat menentukan matlamat kerjaya mereka. Di samping itu mereka juga perlu didedahkan kepada beberapa alternatif sekiranya mereka gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

#### 4.2.3 Perkembangan Sosial

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang Perkembangan Sosial. Bagi melihat dengan lebih jelas apakah keperluan pelajar dalam Perkembangan Sosial min dan sisihan piawai respons pelajar ditunjukkan dalam jadual 4 di muka surat 57.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 4 didapati 18 daripada 25 soalan yang diajukan kepada pelajar memperolehi markat min lebih daripada 1.50. Ini menunjukkan para pelajar juga mempunyai keperluan yang tinggi terhadap Perkembangan Sosial.

Dari jadual 4 dapat dilihat bahawa pelajar memerlukan bantuan yang sangat tinggi untuk meningkatkan kepercayaan kepada kebolehan diri sendiri. Markat min untuk bidang ini adalah 2.53 di mana menghampiri markat min maksimum iaitu 3.00. Seramai 78 pelajar atau 60.5% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 43 pelajar atau 31.3% menjawab ‘perlu’. Manakala hanya 8 pelajar atau 6.2% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Situasi ini menunjukkan betapa pelajar memerlukan motivasi yang tinggi untuk meningkatkan kepercayaan kepada kebolehan diri mereka sendiri.

Jadual 4

## Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Sosial

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu mempunyai kepercayaan pada kebolehan saya sendiri	2.53	0.66
Saya perlu mempunyai pendirian yang kuat supaya tidak mudah terpengaruh	2.24	0.93
Saya memerlukan sekurang-kurangnya seorang kawan rapat	2.15	0.94
Saya ingin bersifat lebih tegas supaya tidak dipermainkan orang	2.13	0.87
Saya perlu menguasai diri saya sendiri supaya tidak dikuasai orang lain	2.11	0.99
Saya perlu belajar adab, sopan-santun dan menghormati orang lebih tua	2.04	1.09
Saya perlu belajar bertolak ansur dan bekerjasama dengan orang lain	1.92	0.90
Saya ingin membuang tabiat cepat marah dan belajar bersabar	1.92	1.01
Saya ingin menjadi seorang yang lebih aktif dan tidak membosankan	1.86	0.93
Saya perlu lebih kebolehan menerima dan memberi kasih sayang kepada orang lain	1.73	0.92
Saya ingin mengetahui bagaimana perasaan orang lain terhadap saya	1.67	1.02
Saya perlu mempelajari teknik bergaul dan bermesra dengan orang lain	1.67	0.94
Saya ingin membuang tabiat suka menyakitkan hati orang lain	1.66	1.15
Saya perlu mengambil berat akan perasaan dan keperluan orang lain	1.65	0.96
Saya memerlukan kebolehan mengembangkan perhubungan dengan orang lain supaya saya lebih banyak mempunyai kawan	1.65	0.98
Saya perlu untuk berbincang apabila menghadapi masalah peribadi	1.60	0.96
Saya ingin menghilangkan sifat malu	1.60	0.96
Saya perlu membuang tabiat suka mengkritik orang	1.53	1.16
Saya perlu mempunyai kebolehan yang lebih baik untuk menerima kritikan	1.50	0.90
Saya perlu menyediakan perasaan dan fikiran saya kepada orang lain secara lebih terbuka dan tidak terkongkong	1.43	0.89
Saya perlu membuang tabiat suka menguasai orang lain	1.26	1.09
Saya perlu mengatasi masalah ketidakrasian duduk dengan rakan sebilik	1.22	0.98
Saya perlukan kemahiran bergaul dengan pelajar berlainan jantina	1.15	0.89
Saya perlu belajar bekerjasama dengan orang yang saya benci	1.09	0.97
Saya perlu menyediakan masalah yang saya hadapi dengan guru saya.	0.90	0.76

Berpandukan kepada markat min 2.04 sehingga 2.24 seperti mana yang terdapat dalam jadual 4 didapati pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 5 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Sosial. Ini bermakna pelajar memerlukan bantuan yang tinggi untuk meningkatkan pendirian mereka supaya tidak terpengaruh, memerlukan sekurang-kurangnya seorang kawan rapat, bersifat lebih tegas supaya tidak dipermainkan orang, pandai menguasai diri sendiri supaya tidak dikuasai orang lain dan belajar untuk lebih beradab, bersopan-santun dan menghormati orang yang lebih tua.

Selain daripada itu, pelajar juga menunjukkan keperluan yang masih tinggi kepada bantuan untuk belajar bertolak ansur dan bekerjasama dengan orang lain, membuang tabiat cepat marah dan belajar bersabar, menjadi seorang yang lebih aktif dan tidak membosankan, mempunyai kebolehan menerima dan memberi kasih sayang kepada orang lain, mengetahui bagaimana perasaan orang lain terhadap diri mereka, mempelajari teknik bergaul dan bermesra dengan orang lain, membuang tabiat suka menyakitkan hati orang lain, mengambil berat akan perasaan dan keperluan orang lain, meningkatkan kebolehan mengembangkan perhubungan dengan orang lain supaya lebih banyak mempunyai kawan, mengatasi masalah peribadi, menghilangkan sifat malu dan membuang tabiat suka mengkritik orang. Keperluan pelajar yang tinggi kepada bantuan tersebut adalah berdasarkan kepada markat min 1.53 sehingga 1.92 di mana ianya menghampiri markat min maksimum bagi jawapan ‘perlu’ iaitu 2.00.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 18 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Sosial. Keperluan pelajar untuk mendapatkan bantuan bagi meningkatkan kepercayaan kepada kebolehan diri sendiri merupakan keperluan yang paling tinggi berbanding dengan 24 item yang lain. Selain daripada itu pelajar juga menunjukkan keperluan yang tinggi untuk mendapatkan bantuan bagi mempertingkatkan pendirian, bersifat lebih tegas, memerlukan sekurang-kurangnya seorang kawan rapat, lebih beradab serta pandai menguasai diri sendiri agar tidak mudah dikuasai oleh orang lain. Justeru itu, para pelajar seharusnya didedahkan kepada kursus-kursus motivasi dan juga kaunseling individu untuk meningkatkan ketegasan dan keyakinan diri di mana ianya membantu pelajar bergaul dengan rakan-rakan serta secara langsung dapat meningkatkan kesopanan diri.

#### 4.2.4 Perkembangan Kerjaya

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang Perkembangan Kerjaya. Bagi melihat dengan lebih jelas apakah keperluan pelajar dalam Perkembangan Kerjaya respons pelajar ditunjukkan dalam jadual 5 di muka surat 61.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 5 didapati dalam 24 daripada 25 soalan markat min adalah lebih daripada 1.50. Ini menunjukkan bahawa pelajar di kedua-dua buah sekolah memerlukan bantuan yang tinggi terhadap keperluan Perkembangan Kerjaya .

Berpandukan kepada jadual 5 didapati min maksimum yang diperolehi ialah 2.14 yang bermakna keperluan yang tinggi kepada bantuan untuk mengetahui kebolehan yang diperlukan apabila bekerja dalam sesuatu pekerjaan dan juga mengetahui lapangan kerjaya yang sesuai apabila mereka menamatkan pengajian mereka nanti.

Jadual 5

## Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Kerjaya

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu mengetahui kebolehan yang diperlukan untuk bekerja dalam sesuatu pekerjaan	2.14	0.81
Saya perlu mengetahui lapangan kerjaya di mana peluang saya adalah meluas apabila saya tamat pelajaran nanti	2.14	0.85
Saya perlu memahami bagaimana matlamat saya akan mempengaruhi cara hidup saya	2.13	0.77
Saya perlu mengetahui bagaimana kaitan dengan minat, nilai dan kebolehan dengan pekerjaan	2.09	0.86
Saya perlu tahu kaitan pilihan kerjaya saya di masa hadapan dengan kekuatan serta kelemahan saya	2.09	0.78
Saya perlu mengenalpasti bahawa apakah alternatif kerjaya yang boleh saya pilih jika saya gagal dalam peperiksaan atau gagal melanjutkan pelajaran	2.09	0.84
Saya perlu mengenalpasti kerjaya yang saya boleh masuki supaya saya dapat merancang tindakan saya	2.02	0.87
Saya perlu mengetahui bagaimana nilai dan sikap saya mempengaruhi kehidupan saya	1.94	0.89
Saya perlu memikirkan kerjaya yang menggunakan bakat saya	1.93	0.91
Saya perlu mengetahui apakah hak-hak dan tanggungjawab seorang pekerja	1.91	0.92
Saya perlu mengenalpasti kekuatan dan kelemahan saya dalam masa saya bekerja dengan rakan-rakan saya	1.88	0.93
Saya ingin merasa dan mendapat sedikit pengalaman bekerja dalam kerjaya yang saya minati	1.88	0.96
Saya perlu memahami cara-cara dan teknik memohon jawatan/pekerjaan	1.85	0.81
Saya perlu memahami kebaikan dan keburukan berbagai pekerjaan	1.83	0.99
Saya perlu memahami bahawa pengalaman pendidikan saya akan membantu saya mempelajari kemahiran asas yang orang dewasa lakukan dalam menjalankan tugas-tugas mereka	1.81	0.89
Saya perlu maklumat mengenai pendapatan dan kemudahan yang diperolehi dalam kerjaya tertentu	1.77	0.91
Saya perlu memahami bagaimana berbagai-bagai pekerjaan mempengaruhi kehidupan saya	1.71	0.84
Saya perlu memahami bagaimana pelbagai pekerjaan boleh memberi saya kepuasan	1.69	0.86
Saya perlu memahami bahawa semua pekerjaan adalah penting dan perlu	1.67	0.93
Saya perlu mengetahui bagaimana hendak membuat keputusan mengenai masalah sekolah	1.67	0.99
Saya perlu memahami bagaimana kehidupan saya dipengaruhi oleh persekitaran saya dan orang-orang dewasa di sekeliling saya	1.66	0.93
Saya ingin mengenali cara hidup orang dalam kerjaya yang saya minati	1.60	0.99
Saya perlu belajar bagaimana mengelompokkan pekerjaan berdasarkan aspek-aspek persamaan dalam pekerjaan itu	1.51	0.82
Saya perlu mengetahui bagaimana temuduga pekerjaan dijalankan	1.51	0.91
Saya perlu maklumat mengenai kebaikan dan keburukan bekerja dengan kerajaan dan dengan pihak swasta	1.50	0.96

Keperluan pelajar kepada mengetahui lapangan kerjaya yang sesuai apabila mereka menamatkan pengajian mereka adalah tinggi kerana seramai 49 pelajar atau 38% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 57 pelajar atau 44.2% menjawab ‘perlu’. Manakala 23 pelajar atau 17.8% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Selain itu, seramai 47 atau 36.4% pelajar telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 58 pelajar atau 45% telah menjawab ‘perlu’ kepada bantuan untuk mengetahui kebolehan yang diperlukan apabila bekerja dalam sesuatu pekerjaan.

Berdasarkan kepada pencapaian markat min yang melebihi 2.00 (markat min maksimum bagi jawapan ‘perlu’) didapati pelajar juga memerlukan bantuan yang tinggi untuk memahami bagaimana matlamat mereka akan mempengaruhi cara hidup mereka, mengetahui bagaimana kaitan dengan minat, nilai dan kebolehan dengan pekerjaan, mengetahui kaitan pilihan kerjaya mereka di masa hadapan dengan kekuatan serta kelemahan yang ada dalam diri mereka, mengenalpasti apakah alternatif kerjaya yang boleh mereka pilih jika gagal dalam peperiksaan atau melanjutkan pelajaran dan mengenalpasti kerjaya yang boleh mereka masuki supaya boleh merancang tindakan mereka.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa pelajar masih menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 17 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Kerjaya. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada markat min yang melebihi 1.5. Ini bermakna pelajar perlukan bantuan untuk mengetahui

bagaimana nilai dan sikap mereka mempengaruhi kehidupan mereka, memikirkan kerjaya yang menggunakan bakat mereka, mengetahui apakah hak-hak dan tanggungjawab seorang pekerja, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan mereka semasa mereka bekerja dengan rakan-rakan, merasai dan mendapatkan sedikit pengalaman bekerja dalam kerjaya yang mereka minati, memahami cara-cara dan teknik memohon pekerjaan, memahami kebaikan dan keburukan berbagai pekerjaan, memahami bahawa pengalaman pendidikan mereka akan membantu mereka mempelajari kemahiran asas yang orang dewasa lakukan dalam menjalankan tugas-tugas mereka, mendapatkan maklumat mengenai pendapatan dan kemudahan yang diperolehi dalam kerjaya tertentu, memahami bagaimana berbagai-bagi pekerjaan mempengaruhi kehidupan mereka, memahami pelbagai pekerjaan yang boleh memberikan kepuasan kepada mereka, memahami bahawa semua pekerjaan adalah penting dan perlu, mengetahui bagaimana hendak membuat keputusan mengenai masalah sekolah, memahami bagaimana kehidupan mereka dipengaruhi oleh persekitaran dan orang-orang dewasa di sekeliling mereka, mengenali cara hidup orang dalam kerjaya yang mereka minati, belajar bagaimana mengelompokkan pekerjaan berdasarkan aspek-aspek persamaan dalam pekerjaan itu dan mengetahui bagaimana temuduga sesuatu pekerjaan dijalankan.

Tidak terdapat keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Kerjaya yang menunjukkan markat min lebih daripada 2.50. Ini bermakna keperluan pelajar terhadap Perkembangan Kerjaya tidak boleh dikategorikan

sebagai sangat tinggi. Sebaliknya ia menunjukkan keperluan pelajar yang hampir setara bagi keseluruhan 25 item keperluan Perkembangan Kerjaya di mana markat min yang diperolehi adalah melebihi 1.5.

Selain daripada itu, keperluan pelajar untuk mengetahui kebolehan yang diperlukan untuk bekerja dalam sesuatu pekerjaan dan mengetahui lapangan kerjaya di mana peluang mereka adalah meluas bila mereka menamatkan pelajaran nanti merupakan item-item keperluan perkembangan kerjaya yang tertinggi berbanding 23 item yang lain. Markat min yang ditunjukkan ialah 2.14.

Memandangkan pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi bagi hampir keseluruhan item keperluan Perkembangan Kerjaya ianya bermakna sesuatu haruslah dilakukan untuk menolong pelajar tersebut agar mereka dapat membuat perancangan kerjaya yang sempurna bermula di peringkat awal lagi.

#### 4.2.5 Perkembangan Pemahaman Diri

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang Perkembangan Pemahaman Diri. Bagi melihat dengan lebih jelas apakah keperluan pelajar dalam Perkembangan Pemahaman Diri respons pelajar ditunjukkan dalam jadual 6 di muka surat 65.

Jadual 6

## Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Pemahaman Diri

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu lebih mahir dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	2.26	0.88
Saya perlu mengenalpasti kekuatan dan kelemahan saya	2.18	0.85
Saya ingin memahami perasaan saya dan bagaimana perasaan saya mempengaruhi tingkahlaku saya	2.17	0.88
Saya perlu belajar bertenang apabila menghadapi kesukaran	2.07	0.93
Saya perlu memahami sifat-sifat peribadi saya	2.05	1.03
Saya perlu memahami bagaimana matlamat saya mempengaruhi kehidupan saya	2.02	0.87
Saya ingin mengetahui lebih banyak mengenai diri saya	1.95	1.01
Saya perlu memahami apakah anggapan dan pandangan orang lain terhadap diri saya	1.87	0.91
Saya perlu lebih pandai bertenang untuk menikmati hidup	1.78	0.88
Saya perlu berpuas hati dengan kehidupan saya, kerjaya saya dan seterusnya dengan diri saya	1.74	0.97
Saya perlu memberhentikan perasaan bimbang	1.62	0.98
Saya perlu mengetahui bagaimana kehidupan saya dipengaruhi oleh persekitaran saya dan orang-orang dewasa yang ada hubungan dengan saya	1.60	0.86
Saya perlu menghentikan perasaan tertekan (depressed)	1.57	1.13
Saya perlu memberhentikan sikap benci dan dengki kepada orang lain	1.57	1.20
Saya perlu memahami bahawa pengalaman pendidikan saya akan membantu saya mempelajari kemahiran asas yang orang dewasa perlukan untuk menjalankan tugas mereka	1.56	0.91
Saya perlu menyatakan perasaan marah saya dengan cara yang lebih membina	1.52	1.01
Saya ingin mengetahui kenapa saya cepat tersinggung	1.45	1.05
Saya ingin mengetahui kenapa saya mudah tawar hati	1.40	1.06
Saya ingin memahami kenapa saya kesepian dan keseorangan	1.36	1.06
Saya perlu tahu apa harus saya buat bila bersama orang hisap dadah	1.30	1.29
Saya ingin memahami kenapa saya dipulaukan oleh kawan-kawan saya	1.29	1.15
Saya ingin memahami kenapa saya tiada orang yang peduli dan tidak mengambil berat mengenai diri saya	1.29	1.13
Saya ingin memahami kenapa saya dianggap orang sompong dan bongkak	1.28	1.21
Saya perlu tahu apa harus saya buat bila bersama orang minum arak	1.26	1.27
Saya perlu memberhentikan perasaan bersalah	1.17	0.88

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 6 didapati sejumlah 16 daripada 25 soalan yang dikemukakan kepada pelajar di kedua-dua buah sekolah menunjukkan markat min lebih daripada 1.50. Keadaan ini menunjukkan keperluan pelajar terhadap bidang Perkembangan Pemahaman Diri adalah tinggi.

Menerusi jadual tersebut terdapat enam item keperluan bimbingan yang menunjukkan markat min lebih daripada 2.00. Keperluan pelajar yang paling tinggi ialah mendapatkan bantuan untuk meningkatkan kemahiran dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Markat min yang ditunjukkan ialah 2.26. Seramai 63 pelajar atau 48.8% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 43 pelajar atau 33.4% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan untuk meningkatkan kemahiran dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Selain daripada itu, mereka juga memerlukan bantuan yang tinggi untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri mereka. Seramai 54 pelajar atau 41.9% telah menjawab ‘sangat perlu’ dan 50 pelajar atau 38.7% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan tersebut. Markat min yang diperolehi ialah 2.18.

Bagi Item untuk memahami bagaimana sesuatu perasaan itu boleh mempengaruhi tingkahlaku mereka, seramai 56 pelajar atau 43.4% menjawab ‘sangat perlu’ dan 45 pelajar atau 34.9% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan tersebut. Markat min yang diperolehi ialah 2.17 dan merupakan item keperluan bimbingan yang ketiga tertinggi.

Keperluan pelajar untuk mendapatkan bantuan agar lebih pandai bertenang apabila menghadapi kesukaran menunjukkan markat min 2.07. Seramai 52 pelajar atau 40.3% menjawab ‘sangat perlu’ dan 42 pelajar atau 32.6% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan tersebut. Ini menunjukkan bahawa pelajar haruslah diberikan bimbingan agar mereka dapat belajar untuk bertenang jika menghadapi sesuatu kesukaran.

Bagi item untuk belajar memahami sifat-sifat peribadi mereka seramai 59 pelajar atau 45.7% menjawab ‘sangat perlu’ dan 31 pelajar atau 24.1% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan Tersebut. Markat min yang diperolehi ialah 2.05 dan merupakan keperluan bimbingan yang kelima tertinggi. Manakala keperluan mendapatkan bantuan untuk memahami bagaimana sesuatu matlamat itu dapat mempengaruhi kehidupan mereka menunjukkan markat min 2.02.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 6 didapati pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi dalam 10 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Pemahaman Diri. Markat min tersebut adalah menghampiri markat min maksimum bagi jawapan ‘perlu’ iaitu 2.00. Ini bermakna pelajar perlukan bantuan yang tinggi untuk mengetahui lebih banyak mengenai diri mereka, memahami apakah anggapan dan pandangan orang lain terhadap diri mereka, lebih pandai bertenang untuk menikmati hidup, berpuashati dengan kehidupan, kerjaya dan diri mereka sendiri, memberhentikan perasaan bimbang, mengetahui bagaimana kehidupan mereka dipengaruhi oleh persekitaran mereka

dan orang-orang dewasa yang ada hubungan dengan mereka, menghentikan perasaan tertekan, memberhentikan sikap benci dan dengki kepada orang lain, memahami bahawa pengalaman pendidikan mereka akan membantu mereka mempelajari kemahiran asas yang orang dewasa perlukan untuk menjalankan sesuatu tugas, dan mengetahui cara-cara untuk menyatakan perasaan marah dengan cara yang lebih membina.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah tidak terdapat keperluan bimbingan r dalam bidang Perkembangan Pemahaman Diri yang menunjukkan markat min lebih daripada 2.50. Ini bermakna keperluan pelajar terhadap bidang Perkembangan Pemahaman Diri tidak boleh dikategorikan sebagai sangat tinggi.

Keperluan bimbingan yang paling tinggi ialah mendapatkan bantuan agar lebih mahir dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah di mana minnya adalah 2.26.

Sebanyak 16 item keperluan bimbingan yang menunjukkan markat min lebih daripada 1.50. Ini bermakna keperluan pelajar kepada bidang Perkembangan Pemahaman diri adalah tinggi. Justeru itu pelajar haruslah diberikan bimbingan agar mereka bijak membuat keputusan, boleh mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka, boleh memahami perasaan mereka, boleh bertengang jika hadapi sesuatu kesukaran dan boleh memahami sifat-sifat peribadi mereka.

#### 4.2.6 Perkembangan Kesihatan dan Fizikal

Terdapat 25 soalan telah diajukan kepada pelajar di bawah bidang Perkembangan Kesihatan dan Fizikal. Respons pelajar ditunjukkan dalam jadual 7 di muka surat 70.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 7 hanya dalam 9 daripada 25 soalan yang dikemukakan markat min lebih daripada 1.50. Keadaan ini menunjukkan tahap keperluan pelajar terhadap bidang Perkembangan Kesihatan dan Fizikal adalah tidak begitu tinggi berbanding dengan bidang-bidang keperluan pelajar yang dihuraikan sebelum ini. Dapatan kajian ini adalah selari dengan skor min bidang Perkembangan Kesihatan dan Fizikal yang menunjukkan min 34.84 dan berada di tempat yang paling bawah berbanding lapan bidang keperluan pelajar.

Jadual 7

## Susunan Min Item Item Dalam Bidang Perkembangan Kesihatan dan Fizikal

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu lebih cergas	2.34	0.87
Saya perlu mengetahui jenis makanan yang baik untuk saya	2.20	0.90
Saya perlu panduan cara-cara menjaga kesihatan saya	1.95	1.02
Saya ingin mempunyai sikap yang positif terhadap keadaan fizikal saya	1.81	0.95
Saya ingin mempunyai kebolehan dalam sukan dan permainan	1.81	0.85
Saya ingin memperbaiki kesihatan saya	1.71	1.03
Saya perlu maklumat lebih lanjut mengenai kesan-kesan buruk dadah	1.60	1.27
Saya perlukan maklumat mengenai jenis-jenis senaman yang boleh saya lakukan bersendirian untuk menjaga kesihatan badan saya	1.60	0.91
Saya ingin belajar cara-cara menyesuaikan pakaian	1.57	0.89
Saya perlu mengatasi kekurangan fizikal yang menganggu fikiran saya	1.48	1.10
Saya perlu pengetahuan cara-cara menjaga diet supaya seimbang	1.48	1.05
Saya ingin memperbaiki sikap saya terhadap sukan walaupun saya tiada kebolehan dalam bidang ini	1.46	0.96
Saya ingin mempelajari tingkah laku yang sesuai dengan jantina saya	1.43	1.12
Saya perlu memahami kekurangan fizikal yang menganggu fikiran saya	1.42	1.05
Saya perlu mengawal tabiat makan saya	1.41	1.02
Saya perlu mempelajari cara-cara menjaga bentuk badan saya	1.36	0.96
Saya ingin memperbaiki perawakan saya	1.33	0.95
Saya perlu mengatasi perasaan rendah diri saya kerana saya tiada kebolehan dalam sukan	1.16	1.00
Saya ingin tahu sama ada sifat-sifat kejantinaan saya adalah normal	1.09	1.21
Saya perlu mempelajari cara-cara mengurangkan berat badan saya	1.06	0.97
Saya perlu mengatasi penyakit yang berhubung dengan seks	0.84	1.14
Saya ingin tahu kenapa saya terlalu banyak memikirkan seks	0.81	0.98
Saya memerlukan jawapan kepada banyak kemusykilan saya mengenai seks	0.69	0.90
Saya perlu mempelajari cara-cara bersolek	0.54	0.75
Saya perlu mengatasi desakan seks kepada orang sama jantina dengan saya	0.11	0.50

Dari jadual 7 dapat dilihat bahawa keperluan pelajar yang tinggi kepada bimbingan bagaimana menjadi lebih cergas dan juga mengetahui jenis-jenis makanan yang baik untuk mereka. Keperluan pelajar yang paling tinggi ialah untuk mendapatkan bantuan bagaimana untuk menjadi lebih cergas di mana min diperolehi ialah 2.34. Didapati seramai 71 pelajar atau 55% menjawab ‘sangat perlu’ dan 38 pelajar atau 29.5% menjawab ‘perlu’. Manakala 20 pelajar atau 15.5% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’ . Keadaan ini menunjukkan pelajar memerlukan bimbingan bagaimana menjadi lebih cergas.

Selain daripada itu, bagi mendapatkan bantuan atau bimbingan bagaimana untuk mengetahui jenis-jenis makanan yang baik untuk mereka. Didapati seramai 60 pelajar atau 46.5% menjawab ‘sangat perlu’ dan 43 pelajar atau 33.3% menjawab ‘perlu’. Manakala 26 pelajar atau 20.2% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Markat min yang diperolehi ialah 2.20.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 7 didapati pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 7 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Kesihatan dan Fizikal. Keadaan ini menunjukkan pelajar masih memerlukan bantuan yang tinggi kepada bantuan atau bimbingan mengenai cara-cara menjaga kesihatan mereka, bagaimana memupuk sikap positif terhadap keadaan fizikal mereka, mempunyai kebolehan dalam sukan dan permainan, memperbaiki kesihatan mereka, mendapatkan maklumat mengenai kesan-kesan buruk dadah, mendapatkan maklumat mengenai jenis-jenis senaman yang boleh

mereka lakukan secara bersendirian untuk menjaga kesihatan badan dan belajar bagaimana cara-cara menyesuaikan pakaian.

Menerusi data-data yang diperolehi didapati seramai 49 pelajar atau 38% menjawab ‘sangat perlu’ dan 40 pelajar atau 31% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan mengetahui bagaimana cara-cara untuk menjaga kesihatan. Manakala seramai 33 pelajar atau 25.6% menjawab ‘sangat perlu’ dan 54 pelajar atau 41.9% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan membina sikap positif terhadap keadaan fizikal dan seramai 27 pelajar atau 20.9% menjawab ‘sangat perlu’ dan 60 pelajar atau 46.5% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan bagaimana mempunyai kebolehan dalam sukan dan permainan.

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah pelajar menunjukkan keperluan yang paling tinggi kepada dua item keperluan bimbingan iaitu mendapatkan bantuan bagaimana untuk lebih cergas dan mengetahui jenis makanan yang baik untuk mereka. Keadaan ini dibuktikan oleh markat min yang diperolehi adalah melebihi 2.00. Ini bermakna sesuatu tindakan haruslah dilakukan bagi menolong pelajar meningkatkan lagi tahap Perkembangan Kesihatan dan Fizikal mereka.

#### 4.2.7 Perkembangan Kewangan dan Tempat Tinggal

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang Kewangan dan tempat Tinggal. Bagi melihat dengan lebih jelas apakah keperluan pelajar dalam bidang Kewangan dan Tempat Tinggal respons pelajar ditunjukkan dalam jadual 8 di muka surat sebelah.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 8 didapati 11 daripada 25 soalan yang dikemukakan menunjukkan markat min lebih daripada 1.50. Ini menunjukkan tahap keperluan pelajar terhadap bidang Kewangan dan Tempat Tinggal adalah tidak begitu tinggi berbanding dengan bidang-bidang keperluan pelajar yang lain.

Berdasarkan kepada markat min lebih daripada 2.00 jadual tersebut menunjukkan keperluan pelajar yang tinggi kepada item-item bagaimana untuk belajar berjimat-cermat dan menyimpan wang, belajar merancang perbelanjaan dan mendapatkan maklumat mengenai anggaran perbelanjaan untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajuan tinggi. Keperluan pelajar yang paling tinggi ialah untuk mendapatkan bantuan belajar berjimat cermat dan menyimpan wang di mana markat min yang diperolehi ialah 2.19.

### Jadual 8

#### Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Kewangan dan Tempat Tinggal

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu belajar berjimat cermat dan menyimpan wang	2.19	0.95
Saya perlu belajar merancang perbelanjaan saya	2.09	0.85
Saya perlu maklumat mengenai anggaran perbelanjaan melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian yang ingin saya masuki	2.06	0.84
Saya perlukan bantuan untuk melanjutkan pelajaran	1.99	0.96
Saya perlu berusaha mendapatkan cukup wang untuk membiayai pelajaran	1.81	1.00
Saya perlukan maklumat mengenai biasiswa dan bantuan kewangan	1.79	0.92
Saya perlu menghilangkan perasaan malu dengan keadaan rumah saya	1.78	1.02
Saya memerlukan wang untuk membiayai pelajaran selepas sekolah menengah	1.71	1.12
Saya memerlukan bantuan mengatasi masalah kewangan saya	1.70	0.97
Saya ingin maklumat mengenai cara-cara dan syarat mendapatkan biasiswa	1.67	1.05
Saya ingin agar dapat belajar dengan sempurna tapi banyak gangguan	1.65	1.12
Saya perlu mendapatkan lebih wang untuk barang-barang keperluan saya	1.50	0.94
Saya ingin mempunyai alat kelengkapan persekolahan yang cukup	1.47	1.00
Saya ingin berbangga dengan ibubapa saya tetapi mereka miskin	1.36	1.27
Saya memerlukan wang belanja yang tetap	1.36	0.98
Saya perlu mengatasi masalah tidak mempunyai cukup buku-buku sekolah	1.33	1.11
Saya perlu mencari punca-punca lain mendapat wang belanja sekolah selain daripada ibu bapa saya kerana mereka tidak mampu	1.24	1.04
Saya tidak ingin meminta wang daripada ibubapa saya kerana mereka susah	1.23	0.96
Saya ingin berbangga dengan ibubapa tetapi mereka tidak berpelajaran	1.19	1.14
Saya memerlukan kerja semasa cuti sekolah untuk belanja sekolah saya	1.05	1.03
Saya ingin mempunyai pakaian yang mencukupi tetapi tidak mampu	1.04	0.99
Saya perlu mengatasi masalah tinggal terlalu jauh dengan sekolah	0.99	1.10
Saya ingin memahami kenapa saya tidak mempunyai wang seperti kawan saya	0.95	1.03
Saya perlu mengatasi masalah tiada tempat untuk belajar	0.95	1.08
Saya perlu mengatasi masalah banyak hutang	0.62	0.99

Didapati seramai 62 pelajar atau 48.1% menjawab ‘sangat perlu’ dan 41 pelajar atau 31.8% menjawab ‘perlu’. Manakala 26 pelajar atau 20.1% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Ini menunjukkan pelajar perlukan bimbingan bagaimana menjadi individu yang berjimat cermat.

Selain itu, bagi item mendapatkan bimbingan bagaimana untuk merancang perbelanjaan mereka didapati seramai 46 pelajar atau 35.7% menjawab ‘sangat perlu’ dan 56 pelajar atau 43.4% menjawab ‘perlu’. Manakala 27 pelajar atau 20.9% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Markat min yang diperolehi bagi soalan ini ialah 2.09. Manakala seramai 45 pelajar atau 34.9% menjawab ‘sangat perlu’ dan 51 pelajar atau 39.5% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan mendapatkan maklumat mengenai anggaran perbelanjaan melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Markat min yang diperolehi ialah 2.06 iaitu ketiga tertinggi.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 8 didapati pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 9 item keperluan bimbingan dalam bidang Kewangan dan Tempat Tinggal. Ini bermakna pelajar memerlukan bantuan yang masih tinggi untuk melanjutkan pelajaran mereka, berusaha mendapatkan cukup wang untuk membiayai pelajaran, mendapatkan maklumat mengenai biasiswa dan bantuan kewangan, menghilangkan perasaan malu dengan keadaan rumah mereka, mendapatkan wang bagi membiayai pelajaran selepas sekolah menengah, mendapatkan bantuan mengatasi masalah kewangan, mendapatkan maklumat

mengenai cara-cara dan syarat mendapatkan biasiswa, mengurangkan gangguan supaya dapat belajar dengan sempurna dan mendapatkan wang yang lebih bagi membeli barang-barang keperluan mereka.

Menerusi data yang diperolehi didapati seramai 45 pelajar atau 34.9 % menjawab ‘sangat perlu’ dan 51 pelajar atau 39.5% menjawab ‘Perlu’ kepada bantuan untuk melanjutkan pelajaran mereka dan seramai 39 pelajar atau 30.2% menjawab ‘sangat perlu’ dan 41 pelajar atau 31.8% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan bagaimana untuk berusaha mendapatkan cukup wang bagi membiayai pelajaran mereka.

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada bantuan bagaimana belajar berjimat-cermat dan menyimpan wang, belajar merancang perbelanjaan dan mendapatkan maklumat mengenai anggaran perbelanjaan untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Ini bermakna segala bantuan dan bimbingan berkaitan dengan bidang kewangan dan tempat tinggal haruslah difokuskan kepada melatih pelajar berjimat-cermat dan bijak menguruskan perbelanjaan mereka. Selain itu segala maklumat berkaitan dengan kos pengajian di pusat pengajian tinggi haruslah sentiasa terkini.

#### 4.2.8 Perkembangan Peribadi

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang Perkembangan Peribadi. Respons pelajar kepada keperluan dalam bidang Perkembangan Peribadi ditunjukkan dalam jadual 9 di muka surat 78.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 9 didapati dalam 16 daripada 25 soalan yang diajukan kepada pelajar min diperolehi lebih daripada 1.50 iaitu melebihi tahap pertengahan markat min maksimum. Ini bermakna keperluan pelajar dalam bidang Perkembangan Peribadi adalah tinggi.

Jadual tersebut menunjukkan terdapat 6 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Peribadi di mana markat min melebihi 2.00. Ini bermakna pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada bantuan untuk mencapai matlamat hidup serta mempunyai cita-cita, memerlukan sifat yang lebih matang dan bertanggungjawab, lebih mahir membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, membuang tabiat malas, membuangkan sifat suka bertangguh dan ingin menjadi lebih aktif dalam aktiviti sekolah.

Jadual 9

## Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Peribadi

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu mempunyai cita-cita dan matlamat hidup	2.37	0.97
Saya perlukan sifat yang lebih matang dan bertanggungjawab	2.29	0.85
Saya perlu lebih mahir membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	2.28	0.79
Saya ingin membuang tabiat malas	2.24	0.98
Saya ingin membuangkan tabiat suka bertangguh	2.13	0.96
Saya ingin menjadi lebih aktif dalam aktiviti sekolah	2.00	0.89
Saya ingin mempunyai kemahiran dan kebolehan memimpin	1.88	0.79
Saya ingin membuangkan tabiat suka berangan-angan dan berkhayal	1.84	1.10
Saya ingin membuangkan tabiat buruk yang saya tidak sukai	1.84	1.07
Saya perlu mengatasi masalah tertekan	1.72	1.03
Saya ingin menghilangkan perasaan degil dan keras hati	1.69	1.15
Saya ingin mempunyai personaliti yang lebih menarik	1.67	0.99
Saya ingin tahu dengan lebih jelas lagi apakah bahaya dadah	1.66	1.13
Saya ingin membuangkan sifat mudah tersinggung	1.56	1.00
Saya perlu memberhentikan perasaan selalu bimbang	1.54	0.98
Saya perlu menghilangkan perasaan benci kepada orang lain	1.53	1.10
Saya ingin menghilangkan sifat penakut (timid)	1.49	1.13
Saya perlu tahu apa yang harus saya lakukan bila bersama orang hisap rokok	1.41	1.22
Saya perlu tahu apa yang harus saya lakukan bila bersama orang hisap dadah	1.40	1.25
Saya ingin membuangkan tabiat suka bertengkar	1.36	1.07
Saya perlu mengurangkan perasaan kesunyian	1.32	1.02
Saya perlu menghilangkan perasaan bersalah	1.06	0.92
Saya ingin menjadi orang yang popular dan disukai	0.95	0.81
Saya ingin berhenti menghisap rokok	0.53	1.07
Saya ingin berhenti menghisap dadah	0.46	1.04

Keperluan pelajar yang paling tinggi ialah kepada mendapatkan bantuan untuk mencapai matlamat hidup serta mempunyai cita-cita. Markat min yang diperolehi ialah 2.37 iaitu tertinggi berbanding dengan 24 item keperluan bimbingan yang lain. Menerusi sampel kajian didapati seramai 80 pelajar atau 62% menjawab ‘sangat perlu’ dan 30 pelajar atau 23.3% menjawab ‘perlu’. Manakala 19 pelajar atau 14.7% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Ini bermakna pelajar haruslah diberikan bimbingan agar mereka dapat merencanakan cita-cita dan matlamat hidup mereka.

Bagi mendapatkan bimbingan agar mereka mempunyai sifat yang lebih matang dan bertanggung jawab seramai 65 pelajar atau 50.4% menjawab ‘sangat perlu’ dan 41 pelajar atau 31.8% menjawab ‘perlu’. Manakala 23 pelajar atau 17.8% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Min yang diperolehi ialah 2.29. Selain itu, seramai 61 pelajar atau 47.3% menjawab ‘sangat perlu’ dan 45 pelajar atau 34.9% menjawab ‘perlu’ kepada bimbingan bagaimana untuk lebih mahir membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Markat min yang diperolehi ialah 2.28.

Bagi membuang tabiat malas seramai 69 pelajar atau 53.5% menjawab ‘sangat perlu’ dan 34 pelajar atau 26.4% menjawab ‘perlu’. Manakala 26 pelajar atau 20.1% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Ini bermakna pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi untuk membuang tabiat malas mereka. Manakala untuk membuangkan sifat bertangguh didapati seramai 58

pelajar atau 45% menjawab ‘sangat perlu’ dan 40 pelajar atau 31% menjawab ‘perlu’. Manakala 31 pelajar atau 24% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Markat min yang diperolehi ialah 2.13.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 9 didapati pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 10 item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Peribadi. Ini bermakna pelajar memerlukan bantuan untuk memperolehi kemahiran dan kebolehan memimpin, membuangkan sifat suka berkhayal, membuangkan tabiat buruk yang mereka tidak sukai, mengatasi masalah tertekan, menghilangkan perasaan degil dan keras hati, mempunyai personaliti yang lebih menarik, mengetahui dengan lebih jelas apakah bahaya dadah, membuangkan sifat mudah tersinggung, memberhentikan perasaan selalu bimbang dan menghilangkan perasaan benci kepada orang lain.

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah pelajar menunjukkan keperluan yang paling tinggi kepada bantuan untuk merencanakan cita-cita dan menentukan matlamat hidup mereka. Selain itu mereka juga perlukan bantuan yang tinggi untuk lebih matang, bijak membuat keputusan, membuang tabiat malas dan suka bertangguh serta ingin menjadi lebih aktif dalam aktiviti sekolah. Ini bermakna mereka haruslah diberikan bimbingan agar mereka dapat menentukan cita-cita dan matlamat hidup, bersikap lebih matang dan bertanggung jawab, mahir membuat keputusan dan dapat membuang tabiat malas dan suka bertangguh.

#### 4.2.9 Perkembangan Kerohanian dan Moral

Terdapat 25 soalan diajukan kepada pelajar di bawah bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral. Respons pelajar kepada keperluan dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral ditunjukkan dalam jadual 10 di muka surat 82.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 10 dalam 22 daripada 25 soalan yang dikemukakan memperolehi min lebih daripada 1.50. Ini bermakna keperluan dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral adalah tinggi. Min diperolehi untuk bidang ini adalah selaras dengan min keseluruhan bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral ialah 46.34 dan berada dikedudukan ketiga tertinggi selepas Perkembangan Kemahiran Belajar dan Perkembangan Pelajaran dan Vokasional.

Terdapat 9 item keperluan bimbingan dalam Perkembangan Kerohanian dan Moral di mana min melebihi 2.00. Ini bermakna pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada bimbingan untuk memperkuatkan keimanan, mendekatkan diri dengan Tuhan, memahami lebih mendalam mengenai Al-Quran, lebih kuat beribadat, mendalami pengetahuan agama, membentuk nilai moral yang sesuai, menambahkan pengetahuan mengenai hukum-hukum agama, belajar membaca doa-doa penting dan bersikap lebih jujur, bertanggungjawab dan berdisiplin.

### Jadual 10

Susunan Min Item-Item Dalam Bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral.

ITEM	Min	Sisihan Piawai
Saya perlu menguatkan iman dan mendekati diri pada Tuhan	2.43	0.92
Saya ingin mendekatkan diri dengan tuhan	2.42	0.94
Saya ingin memahami lebih mendalam mengenai Al-Quran	2.35	0.84
Saya perlu lebih kuat beribadat	2.33	0.92
Saya perlu mendalami pengetahuan agama saya	2.22	0.98
Saya perlu membentuk nilai dan moral yang sesuai	2.16	0.93
Saya perlu menambah pengetahuan saya mengenai hukum-hukum agama	2.16	0.83
Saya ingin belajar membaca doa-doa yang penting	2.09	0.99
Saya perlu lebih jujur, bertanggungjawab dan berdisiplin	2.09	1.08
Saya ingin mengikis semua tabiat buruk yang saya ada	1.98	1.03
Saya perlu bimbingan mengenai cara-cara menjalankan ibadat	1.84	1.06
Saya perlu belajar mengawal diri dari terlalu sangat mengikut nafsu hati	1.75	1.08
Saya perlukan kebolehan membezakan antara yang salah dan benar	1.74	1.09
Saya perlu memahami bagaimana nilai saya mempengaruhi hidup saya	1.74	0.94
Saya ingin belajar bertahlil	1.71	0.96
Saya ingin mengatasi kerisauan saya kerana saya telah membuat dosa	1.64	1.01
Saya ingin tahu membaca Al-Quran	1.63	1.23
Saya perlukan kebolehan menerangkan dan berbincang mengenai Agama Saya	1.63	0.99
Saya perlukan maklumat dari orang lain mengenai tingkahlaku saya	1.63	0.92
Saya perlu mempelajari tingkahlaku yang sesuai dengan masyarakat	1.62	0.89
Saya perlukan jawapan soalan-soalan mengenai Tuhan	1.59	1.09
Saya perlukan kepastian mengenai keraguan dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan Agama	1.58	1.12
Saya perlukan kebolehan menolak paksaan dan ancaman golongan fanatik	1.40	1.21
Saya ingin belajar sembahyang	1.36	1.33
Saya perlukan kepastian mengenai keraguan saya pada kepercayaan Agama	1.16	1.24

Keperluan pelajar yang paling tinggi ialah untuk menguatkan iman dan mendekati diri pada Tuhan. Min yang ditunjukkan ialah 2.43. Menerusi sampel kajian didapati seramai 84 pelajar atau 65.1% menjawab ‘sangat perlu’ dan 27 pelajar atau 20.9 % menjawab ‘perlu’. Manakala 18 pelajar atau 14% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Ini menunjukkan pelajar perlukan bimbingan untuk menguatkan keimanan diri mereka.

Keperluan pelajar bagi bimbingan mendekatkan diri kepada Tuhan didapati seramai 84 pelajar atau 65.1% menjawab ‘sangat perlu’ dan 26 pelajar atau 20.2% menjawab ‘perlu’. Manakala 19 pelajar atau 14.7% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Markat min yang diperolehi ialah 2.42. Selain daripada itu, seramai 69 pelajar atau 53.5% menjawab ‘sangat perlu’ dan 43 pelajar atau 33.3% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan untuk memahami lebih mendalam mengenai Al-Quran.

Bagi item mendapatkan bantuan supaya lebih kuat beribadat didapati seramai 71 pelajar atau 55 % menjawab ‘sangat perlu’ dan 40 pelajar atau 31% menjawab ‘perlu’. Manakala 18 pelajar atau 14% menjawab ‘kadang-kadang perlu’ dan ‘tidak perlu’. Manakala seramai 67 pelajar atau 51.9% menjawab ‘sangat perlu’ dan 34 pelajar atau 26.4% menjawab ‘perlu’ kepada bantuan untuk mendalami pengetahuan agama mereka. Markat min yang ditunjukkan ialah 2.22 .

Jika diambil min 1.58 sehingga 1.98 sebagai tanda keperluan seperti mana yang terdapat dalam jadual 10 didapati pelajar menunjukkan keperluan yang tinggi kepada 13 item keperluan bimbingan dalam Perkembangan Kerohanian dan Moral. Ini bermakna pelajar menunjukkan keperluan yang masih tinggi kepada bantuan untuk mengikis semua tabiat buruk yang ada pada diri mereka, mengetahui mengenai cara-cara menjalankan ibadat, belajar mengawal diri dari terlalu sangat mengikut nafsu hati, mempunyai kebolehan membezakan antara yang salah dan yang benar, memahami bagaimana nilai mereka mempengaruhi kehidupan mereka, belajar bertahlil, mengatasi kerisauan di atas dosa-dosa yang dilakukan, ingin tahu membaca Al-Quran, mempunyai kebolehan menerangkan dan berbincang mengenai agama mereka, perlukan maklumat orang lain mengenai tingkahlaku mereka, mempelajari tingkahlaku yang sesuai dengan masyarakat, memerlukan jawapan berkaitan dengan Tuhan dan inginkan kepastian mengenai keraguan dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan agama.

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah pelajar mempunyai keperluan yang tinggi bagi hampir keseluruhan item keperluan bimbingan dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral. Ini bermakna mereka haruslah diberikan bimbingan dan panduan agar mereka dapat menguatkan keimanan, mendekatkan diri dengan Tuhan, memahami lebih mendalam mengenai Al-Quran, lebih kuat beribadat, mendalami pengetahuan agama mereka dan sebagainya lagi.

#### 4.2.10 Lapan item keperluan pelajar tertinggi berdasarkan markat min

Dalam sembilan bidang keperluan pelajar terdapat 225 item keperluan bimbingan yang diajukan kepada pelajar. Item-item yang memperolehi respons tertinggi dalam sembilan bidang keperluan pelajar ditunjukkan dalam jadual 11 di mukasurat 86.

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 11 terdapat lapan item keperluan bimbingan di mana markat min yang diperolehi ialah 2.50 dan ke atas. Lapan keperluan pelajar yang sangat tinggi iaitu kepada bantuan untuk memperbaiki kebolehan mengingat, memperbaiki kemajuan dalam subjek Matematik, memperbaiki kemahiran dalam Bahasa Inggeris, memperbaiki kemajuan dalam pelajaran Sains, mempunyai kepercayaan pada kebolehan diri sendiri, mengatasi perasaan malas untuk belajar, mengetahui teknik belajar yang berkesan dan memperbaiki keupayaan untuk memberikan tumpuan.

Jadual 11

## Lapan Item Keperluan Pelajar Tertinggi Berdasarkan Markat Min.

Item	Keperluan Pelajar	Bidang Keperluan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya perlu memperbaiki kebolehan Mengingat	Perkembangan Kemahiran Belajar	2.71	0.56
39	Saya perlu meperbaiki kemajuan saya dalam pelajaran Matematik	Perkembangan Pelajaran dan Vokasional	2.67	0.63
10	Saya perlu memperbaiki kemahiran saya dalam Bahasa Inggeris	Perkembangan Kemahiran Belajar	2.63	0.57
40	Saya perlu meperbaiki kemajuan saya dalam pelajaran sains.	Perkembangan Pelajaran dan Vokasional	2.56	0.64
60	Saya perlu mempunyai kepercayaan pada kebolehan saya sendiri	Perkembangan Sosial	2.53	0.66
24	Saya perlu mengatasi perasaan malas saya untuk belajar	Perkembangan Kemahiran Belajar	2.53	0.78
11	Saya perlu mengetahui teknik belajar yang berkesan	Perkembangan Kemahiran Belajar	2.52	0.72
3	Saya perlu memperbaiki keupayaan saya untuk memberi tumpuan	Perkembangan Kemahiran Belajar	2.50	0.72

Jadual tersebut menunjukkan daripada 8 item tertinggi di dapati lima item adalah dalam bidang Perkembangan kemahiran Belajar, dua item dalam bidang Perkembangan Pelajaran dan Vokasional dan satu item dalam bidang Perkembangan Sosial.

Justeru itu dapatlah dirumuskan bahawa pelajar menunjukkan keperluan yang sangat tinggi dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar .Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan responden kajian yang terdiri daripada tingkatan empat sudah mula merancang pembelajaran demi masa depan mereka. Di samping itu dengan adanya sukanan pelajaran serta pendedahan kepada subjek-subjek yang baru dan lebih mencabar berbanding dengan pembelajaran di peringkat PMR sebelum ini mereka perlukan bimbingan kemahiran belajar untuk merencanakan pembelajaran mereka bermula diperingkat awal lagi.

#### **4.3 : Perbezaan Keperluan Bimbingan dan Kaunseling.**

##### **4.3.1 : Perbezaan Antara Sekolah.**

Gambaran jelas perbezaan keperluan antara dua buah sekolah adalah ditunjukkan menerusi jadual 12 di muka surat 88

**Jadual 12**  
**Markat Min Mengikut Sekolah**

Bidang-bidang Keperluan	Min SMKTM (1)	Min SMKJ	Nilai t	Kebarangkalian
Perkembangan Kemahiran Belajar	50.1	56.1	-3.13	0.00*
Perkembangan Pelajaran dan Vokasional	50.7	53.9	-1.64	0.10
Perkembangan Sosial	40.4	43.9	-1.47	0.15
Perkembangan Kerjaya	44.7	47.3	-1.18	1.24
Perkembangan Pemahaman Diri	39.9	42.9	-1.03	1.31
Perkembangan Kesihatan dan Fizikal	34.1	35.6	-0.56	0.57
Kewangan dan Tempat Tinggal	35.6	35.7	-0.03	0.97
Perkembangan Peribadi	38.6	41.6	-1.06	0.29
Perkembangan Kerohanian dan Moral	43.9	48.8	-1.57	0.12

\* Signifikan Pada Aras 0.05

**Petunjuk:**

SMKTM (1) : Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1).  
 SMKJ : Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli.

Jadual 12 menunjukkan min yang diperolehi daripada respons 129 pelajar di dua buah sekolah yang terlibat. Ditunjukkan juga nilai t dan kebarangkalian untuk menunjukkan perbezaan antara min yang diperolehi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli. Jumlah pelajar SMKTM (1) adalah seramai 65 pelajar atau 50.4%. Manakala jumlah pelajar dari SMKJ ialah 64 pelajar atau 49.6%.

Didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tujuh bidang keperluan pelajar kecuali dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar. Markat min SMKJ adalah 56.1 dan markat min SMKTM (1) ialah 50.1. Ini bermakna di SMKJ adalah lebih tinggi dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar berbanding dengan SMTM (1). Manakala dalam 8 bidang keperluan yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

#### 4.3.2 Perbezaan Antara Jantina

Jadual 13 di muka surat 90 menunjukkan min yang diperolehi daripada 129 responden di dua buah sekolah yang terlibat.

Jadual 13

## Markat Min Mengikut Jantina

Bidang-bidang Keperluan	Min Lelaki	Min Perempuan	Nilai t	Kebarangkalian
Perkembangan Kemahiran Belajar	52.7	53.4	-0.33	0.74
Perkembangan Pelajaran dan Vokasional	51.1	53.4	-1.18	0.24
Perkembangan Sosial	41.9	42.3	-0.15	0.88
Perkembangan Kerjaya	45.3	46.6	-0.61	0.54
Perkembangan Pemahaman Diri	41.1	41.7	-0.20	0.85
Perkembangan Kesihatan dan Fizikal	34.7	34.9	-0.10	0.92
Kewangan dan Tempat Tinggal	37.2	34.2	1.14	0.26
Perkembangan Peribadi	41.9	38.6	1.19	0.24
Perkembangan Kerohanian dan Moral	50.2	42.9	2.35	0.02*

\* Signifikan Pada Aras 0.05

**Petunjuk:**

SMKTM (1) : Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1).  
 SMKJ : Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli.

Dalam sampel kajian ini terdapat seramai 69 pelajar atau 53.5% pelajar perempuan dan 60 pelajar atau 46.5% pelajar lelaki.

Seperti yang dapat dilihat dalam jadual 13 tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam lapan bidang keperluan kecuali dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral. Min pelajar lelaki 50.2 adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan di mana min ialah 42.9. Manakala dalam lapan bidang keperluan yang lain tidak ada perbezaan yang signifikan.

#### 4.3.3 : Perbezaan Antara Aliran Sains dan Sastera

Jadual 14 di muka surat 92 menunjukkan min mengikut aliran.

Jadual 14

Markat Min Pelajar Aliran Sains dan Sastera.

Bidang-bidang Keperluan	Min Sains	Min Sastera	Nilai t	Kebarangkalian
Perkembangan Kemahiran Belajar	55.5	50.6	2.55	0.01*
Perkembangan Pelajaran dan Vokasional	53.9	50.8	1.57	0.12
Perkembangan Sosial	44.1	40.2	1.66	0.10
Perkembangan Kerjaya	48.3	43.6	2.14	0.03*
Perkembangan Pemahaman Diri	44.4	38.4	2.09	0.04*
Perkembangan Kesihatan dan Fizikal	36.1	33.6	0.95	0.34
Kewangan dan Tempat Tinggal	36.5	34.7	0.65	0.52
Perkembangan Peribadi	40.7	39.4	0.47	0.64
Perkembangan Kerohanian dan Moral	48.0	44.6	1.07	0.29

\* Signifikan Pada Aras 0.05

#### Petunjuk:

SMKTM (1) : Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1).  
 SMKJ : Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli.

Seramai 65 pelajar atau 50.4% daripada 129 jumlah responden adalah dari aliran sains dan 64 pelajar atau 49.6% adalah dari aliran sastera. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tiga bidang keperluan. Tiga bidang keperluan tersebut ialah bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan Perkembangan Pemahaman Diri.

Dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar markat min yang diperolehi oleh pelajar aliran sains ialah 55.5 berbanding 50.6 bagi pelajar aliran sastera. Bagi bidang Perkembangan Kerjaya pula, markat min pelajar aliran sains ialah 48.3 berbanding 43.6 daripada pelajar aliran sastera. Manakala markat min bagi pelajar sains bagi bidang Perkembangan Diri ialah 44.4 berbanding 38.4 oleh pelajar aliran sastera. Rumusan yang dapat dibuat ialah pelajar sains mempunyai keperluan yang tinggi dalam tiga bidang keperluan iaitu Bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan Perkembangan Pemahaman Diri berbanding dengan pelajar sastera. Manakala dalam enam bidang yang lain tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar aliran sains dan sastera.

#### 4.4 Analisis Soalan Terbuka

Tujuan utama soalan terbuka dikemukakan kepada pelajar ialah untuk mengetahui sama ada terdapat aspek-aspek lain yang memerlukan bimbingan selain daripada sembilan bidang keperluan bimbingan yang terkandung dalam Inventori Keperluan Bimbingan. Namun begitu, tidak ada pelajar yang memberikan respons. Ini bermakna pelajar-pelajar tidak memerlukan bimbingan yang lain selain daripada sembilan bidang keperluan bimbingan yang terkandung dalam Inventori Keperluan Bimbingan.

#### 4.5 Sumber-Sumber Maklumat.

Antara tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui adakah pelajar sering melihat sumber-sumber maklumat (berbentuk buku atau risalah) yang berkaitan sama ada dalam bilik bimbingan kerjaya dan Pusat Sumber sekolah.

Terdapat 16 soalan dikemukakan. Responden hanya perlu menjawab ‘Ya’ jika pernah melihat bahan-bahan tersebut dan ‘Tidak’ jika tidak pernah melihat bahan-bahan tersebut. Respons pelajar kepada soalan berkaitan dengan sumber-sumber maklumat adalah terdapat dalam jadual 15 di muka surat 95.

**Jadual 15**  
**Sumber-Sumber Maklumat**

Sumber-Sumber Maklumat	% 'Ya'	% 'Tidak'
Maklumat mengenai sekolah anda (misalnya Undang-Undang dan Peraturan Sekolah, Penerangan bertulis mengenai aktiviti sekolah, Kemudahan bimbingan, guru-guru dan sebagainya)	88.4	11.6
Maklumat mengenai mata pelajaran, atau kursus yang diajar di sekolah ( Misalnya Sukatan Pelajaran, Ringkasan Kursus, Cara Penilaian, buku-buku teks dan sebagainya.	86.0	14.0
Prospektus atau Katalog dan juga risalah mengenai Universiti Tempatan	70.5	29.5
Prospektus atau Katalog dan juga risalah mengenai Universiti Luar Negeri	33.3	66.7
Directory peluang-peluang pelajaran (Misalnya, Universiti-universiti, maktab-maktab, Pusat Latihan Teknik dan Vokasional, pusat-pusat latihan kemahiran, Institusi Pengajian Tinggi dan lainlain)	74.4	25.6
Buku-buku mengenai latihan kerjaya	56.6	43.4
Risalah-risalah, buletin dan sebagainya mengenai kerjaya	76.0	24.0
Maklumat baisiswa dan lain-lain sumber kewangan mengenai pelajaran tinggi	34.9	65.1
Maklumat mengenai baisiswa atau bantuan dari kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, badan berkanun, orang persendirian dan lain-lain pengangur sama ada awam atau swasta	31.0	69.0
Bahan-bahan bertulis mengenai kemahiran belajar (teknik belajar)	93.0	7.0
Kamus Kod Pekerjaan (DOT) – Kamus mengenai pekerjaan	10.9	89.1
Bahan-bahan mengenai peribadi sosial (misalnya nilai kemahiran sosial, perhubungan antara individu dan lain-lain)	60.5	39.5
Buku-buku atau penerbitan mengenai belajar kendiri	71.3	28.7
Maklumat mengenai aktiviti bimbingan semasa di peringkat sekolah, daerah, negeri atau negara	48.8	51.2
Buku-buku mengenai cara-cara memperbaiki diri	71.3	28.7
Buku-buku atau risalah mengenai kerjaya tertentu	72.1	27.9

Seperti mana yang terdapat dalam jadual 15 didapati 11 daripada 16 soalan mengenai bahan-bahan maklumat yang dikemukakan kepada sampel kajian menunjukkan peratusan yang tinggi bagi jawapan ‘Ya’ iaitu melebihi daripada 50 %. Ini bermakna ramai pelajar yang pernah melihat bahan-bahan berkaitan dengan maklumat sekolah, maklumat mengenai mata pelajaran atau kursus, risalah atau katalog mengenai universiti dalam negeri, buku panduan peluang-peluang pekerjaan, buku-buku mengenai latihan kerjaya, bahan-bahan bertulis mengenai kemahiran belajar, bahan-bahan mengenai peribadi sosial, buku-buku atau penerbitan mengenai belajar kendiri, buku-buku mengenai cara-cara memperbaiki diri dan buku-buku atau risalah mengenai kerjaya tertentu sama ada dalam bilik bimbingan kerjaya dan pusat sumber sekolah.

Namun begitu, maklumat mengenai Kamus Kod Pelajaran (DOT) paling jarang dilihat oleh pelajar. Menerusi data yang diperolehi didapati seramai 115 pelajar atau 89.1 % menjawab ‘Tidak’ pernah melihat bahan tersebut.

Seramai 89 pelajar atau 69.0 % menyatakan ‘Tidak’ pernah melihat maklumat mengenai biasiswa atau bantuan daripada kerajaan negeri, persekutuan, badan berkanun, orang persendirian dan lain-lain pengajur sama ada awam atau swasta.

Maklumat mengenai Universiti luar negeri sama ada dalam bentuk prospektus, katalog dan juga risalah juga jarang terdapat di dalam bilik bimbingan kerjaya dan juga Pusat Sumber sekolah. Didapati seramai 86 pelajar atau 66.7 % telah menyatakan ‘Tidak’ pernah melihat bahan-bahan tersebut.

Maklumat mengenai biasiswa dan lain-lain sumber kewangan untuk pelajaran tinggi juga kurang terdapat di Pusat Sumber sekolah atau bilik bimbingan kerjaya. Didapati seramai 84 pelajar atau 65.1% telah menyatakan ‘Tidak’ pernah melihat bahan-bahan tersebut.

Maklumat mengenai aktiviti bimbingan semasa di peringkat sekolah, daerah, negeri dan juga negara jarang diketahui oleh pelajar. Didapati berbanding 129 responden seramai 66 pelajar atau 51.2% telah menyatakan ‘Tidak’ pernah melihat maklumat-maklumat semasa tersebut.

Berdasarkan kepadauraian tadi dapatlah dirumuskan bahawa pihak sekolah terutamanya Kaunselor dan juga Guru Pusat Sumber sekolah haruslah memastikan bahan-bahan maklumat tersebut terdapat di bilik bimbingan kerjaya dan Pusat Sumber sekolah. Apa yang jelas kegagalan berbuat demikian bermakna peluang pelajar untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan peluang pelajaran, biasiswa dan juga pekerjaan adalah terbatas.

#### 4.6 Rumusan.

##### a. Bidang-bidang Keperluan Pelajar.

Analisis keseluruhan mendapati terdapat empat bidang keperluan yang paling tinggi. Bidang tersebut ialah bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran Dan Vokasional, Perkembangan Kerohanian Dan Moral dan Perkembangan Kerjaya.

Empat bidang keperluan menurut susunan yang paling tinggi kepada yang paling rendah ialah Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan Perkembangan Kerohanian Dan Moral.

##### b. Perbezaan Keperluan Pelajar

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah kecuali dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar. Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli menunjukkan keperluan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar. Keadaan ini mungkin disebabkan Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli terletak di kawasan luar bandar di mana masih kurang

terdapat kemudahan kelas tuisyen, program-program yang berkaitan dengan teknik belajar dan teknik menjawab soalan serta kerana baru dua tahun sekolah itu membuka kelas aliran sains menyebabkan pelajar memerlukan bimbingan yang sangat tinggi dalam bidang Perkembangan kemahiran Belajar.

Dari segi perbezaan keperluan antara jantina didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecuali dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral. Didapati pelajar lelaki menunjukkan keperluan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral.

Di antara pelajar aliran sains dan sastera pula tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecuali dalam tiga bidang keperluan iaitu bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan Perkembangan Pemahaman Diri. Menerusi data-data yang diperolehi didapati pelajar aliran sains menunjukkan keperluan lebih tinggi dalam tiga bidang tersebut berbanding dengan pelajar sastera. Keadaan ini mungkin disebabkan pelajar aliran sains mempelajari subjek-subjek yang lebih mencabar berbanding dengan pelajar sastera. Selain itu, peluang pekerjaan yang agak banyak bagi pelajar aliran sains menyebabkan mereka perlu merancang kerjaya mereka di peringkat awal lagi. Manakala keperluan yang lebih tinggi dalam bidang Perkembangan Pemahaman Diri mungkin disebabkan oleh cabaran pembelajaran yang begitu tinggi menyebabkan mereka perlukan bimbingan agar lebih tenang, bersabar dan harus mengenal potensi diri.

c. Sumber-sumber Maklumat.

Ramai pelajar yang pernah melihat bahan-bahan berkaitan maklumat sekolah, maklumat mengenai mata pelajaran atau kursus, risalah atau katalog mengenai universiti dalam negeri, buku panduan peluang-peluang pekerjaan, buku-buku mengenai latihan kerjaya, bahan-bahan bertulis mengenai kemahiran belajar, bahan-bahan mengenai peribadi sosial, buku-buku atau penerbitan mengenai belajar kendiri, buku-buku mengenai cara-cara memperbaiki diri dan buku-buku atau risalah mengenai kerjaya tertentu sama ada dalam bilik bimbingan kerjaya atau di pusat sumber sekolah.

Keputusan ini menunjukkan percanggahan dengan keperluan pelajar yang tinggi dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kerjaya dan juga Perkembangan Pemahaman Diri. Ini bermakna, keperluan yang tinggi oleh pelajar dalam bidang-bidang tersebut bukanlah disebabkan tidak ada sumber-sumber maklumat berkaitan dengan bidang-bidang keperluan yang berkenaan tetapi ianya mungkin disebabkan oleh sistem penyebaran maklumat yang agak lemah di kedua-dua sekolah berkenaan.

Terdapat lima sumber-sumber maklumat yang pelajar tidak pernah lihat di bilik bimbingan kerjaya dan pusat sumber sekolah. Maklumat tersebut ialah berkaitan dengan Kamus Kod Pekerjaan (DOT), maklumat biasiswa atau bantuan

dari kerajaan negeri dan sebagainya, maklumat mengenai Universiti luar negeri, maklumat mengenai biasiswa untuk pelajaran tinggi dan maklumat mengenai aktiviti bimbingan semasa di peringkat sekolah, daerah, negeri atau negara..